



# Afi terus unggul saingan peringkat LTdIPT

Oleh Nazri Abu Bakar - Jun 18, 2023 @ 4:11pm  
sukanteam@nstp.com.my



Mohamad Afi Danial Abu Bakar bolot tiga kategori utama pada LTdIPT 2023. NSTP/Nazri Abu Bakar

MELAKA: Pelumba Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Mohammad Afi Danial Ramli Abu Bakar terus menguasai Le Tour de IPT (LTdIPT) 2023 pada hari kedua dalam acara kriterium di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Melaka hari ini.

Momentum cemerlangnya pada hari pertama terus dipertahan dengan sekali lagi mengekalkan tempat sebagai Pendahulu Keseluruhan (jersi kuning), jersi hijau (Pecut) dan Pendahulu Bawah 21 (jersi putih).

Dalam kategori Pendahulu Keseluruhan, Afi mencatat masa 3 jam 49 minit 49 saat diikuti Muhammad Nazirul Aniq Abd Rahman dari Kolej Kemahiran Tinggi MARA Ledang (KKTML) yang mencatat masa 3:50:15 dan Muhammad Hariz Md Nazri (KKTML) dengan masa 3:50:56.

Afi berkata, dia mengakui saingan hari ini amat bahaya kerana terdapat banyak selekoh tajam namun dapat melakukan yang terbaik sambil akan terus berusaha untuk mengekalkan jersi yang dimiliki dalam dua peringkat berkenaan.

"Saya sangat teruja dengan kejayaan ini dan sudah pasti saya dahagakan lagi kejayaan kerana rasa saya sangat bertenaga malah saya tahu kebolehan saya buat masa ini.

"Hari ini terbukti saya mampu melakukannya namun saya tidak boleh merasa selesa kerana ramai pencabar yang berusaha keras untuk merampas kedudukan berkenaan.

"Apapun saya perlu lalui dengan tenang termasuk berhadapan dengan strategi lawan," katanya.

Menurutnya, dia akan mengerah tenaga dengan lebih agresif bagi mengharungi saingan peringkat ketiga dari Port Dickson ke Putrajaya esok.

Peringkat ketiga esok membabitkan laluan antara Politeknik Port Dickson ke Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan jarak 92.8 kilometer sementara peringkat akhir membabitkan jarak 83.5km antara Universiti Tenaga Nasional (Uniten) Bangi hingga bangunan KPT di Putrajaya.